

21/02/2002

Syor suami diberi cuti 14 hari apabila isteri bersalin

Munaarfah Abu Bakar

PETALING JAYA, Rabu - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu kerajaan memperuntukkan cuti selama 14 hari kepada suami bagi membolehkan mereka mengurus keluarga apabila isteri bersalin.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, cadangan pelaksanaan cuti yang dibuat pada Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) tahun lalu dianggap penting bagi mewujudkan sistem sokongan kepada pekerja wanita dan kesejahteraan institusi keluarga di negara ini.

"Cuti selama dua minggu ini akan memberi peluang kepada suami menjaga anak ketika isteri bersalin dan dapat mengurangkan beban isteri ketika dalam cuti berpantang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Program Pendidikan Bagi Pekerja Wanita Sektor Pengangkutan di Hotel Shah Village, di sini, hari ini.

Seminar dua hari yang bermula hari ini adalah anjuran bersama Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa (ITF) dan Persekutuan Pekerja Finland.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Wanita MTUC, Noorlaila Aslah; Timbalan Setiausaha Rantau Asia Pasifik ITF, Mahendra Sharma dan Jawatankuasa ITF sayap wanita, Nishi Kapahi.

Zainal berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perbincangan MTUC dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 8 Disember lalu.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak membincangkan empat perkara penting bagi kepentingan tenaga kerja sektor swasta di negara ini.

Selain isu Peruntukan Perlindungan Bersalin, kedua-dua pihak turut membincangkan Skim Penamatan Perkhidmatan, penetapan isu gaji maksimum dan penerimaan kerajaan terhadap Konvensyen 87, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kebebasan pekerja untuk berkesatuan.

Sehingga kini tidak ada peruntukan tertentu bagi menetapkan jumlah cuti ihsan kepada suami yang isteri mereka melahirkan anak.

Cuti ihsan yang ada adalah terpulang kepada budi bicara pengurusan syarikat atau yang sudah ditetapkan dalam perjanjian bersama (CA) antara pekerja dan majikan.

ILO memperuntukkan cuti dua minggu kepada suami yang isteri mereka bersalin bukan saja menjaga anak semasa ketiadaan isteri malah mengurangkan beban isteri dengan mengurus rumah tangga.

Zainal berkata, dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir pihaknya turut meminta kerajaan menimbangkan tambahan peruntukan cuti bersalin dari 60 hari kepada 90 hari.

Pelaksanaan cuti bersalin yang lebih panjang tidak dilihat akan memberi kesan kepada produktiviti syarikat sebaliknya ia akan dapat menambah produktiviti pekerja wanita kerana mereka diberikan masa yang lebih panjang untuk berehat dan menjaga anak.

Di bawah Konvensyen Peruntukan Perlindungan Bersalin, ILO memperuntukkan cuti selama 120 hari kepada wanita yang bersalin. Kebanyakan negara maju memberikan peruntukan cuti yang panjang kepada wanita bersalin.

Sehingga kini, India menetapkan 136 hari sebagai cuti bersalin kepada pekerja mereka manakala Bangladesh pula sebanyak 120 hari.

Dalam isu lain, Zainal berkata, MTUC menggesa kerajaan meminda Akta Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) bagi memastikan semua majikan diwajibkan menyumbang dalam Dana di bawah Skim Penamatan Perkhidmatan.

Katanya, pindaan itu perlu dibuat segera bagi memastikan kebajikan

pekerja terutama yang dibuang kerja berikutan pemberhentian operasi syarikat mendapat pampasan sewajarnya.

"Walaupun kerajaan bersetuju dengan cadangan penubuhan skim itu tetapi tidak ia tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tidak ada sambutan daripada majikan.

"Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Malaysia (MAPA) masih lagi berdolak dalik mengenai perkara dengan memberi alasan menambahkan kos operasi syarikat sedangkan alasan itu sudahpun kami huraikan dengan panjang lebar," katanya.

(END)